

11 AUG 1999

HARI WANITA DISAMBUT AWAL SEHARI

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Perayaan Hari Wanita tahun ini yang akan disambut awal sehari pada 24 Ogos dijadual akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail berkata hari ini sambutan bertemakan "Wanita Asas Keluarga Bahagia" itu akan diadakan di Kuantan, Pahang.

"Sambutan Hari Wanita diadakan pada 25 Ogos setiap tahun sejak 1992, tetapi tahun ini ia diadakan awal sehari disebabkan tarikh 25 Ogos jatuh pada hari Rabu iaitu hari mesyuarat mingguan Kabinet," katanya pada persidangan berita.

Sambutan pada tahun lepas dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Zaleha berkata tema itu dipilih memandangkan pentingnya peranan wanita dalam membina sebuah keluarga bahagia.

Kata beliau, antara acara menarik yang akan diadakan sempena sambutan itu ialah ekspo usahawan wanita, bengkel dan konsert artis tempatan.

"Selain diadakan di setiap negeri, sambutan juga dibuat oleh pertubuhan wanita seperti Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)," katanya.

-- BERNAMA

NM NMO